

## **KONFRONTASI MALAYSIA DAN INDONESIA: PENYELESAIAN MELALUI PENDEKATAN MALAYSIA**

**Nurliana Suhaini & Aimi Khairunnisa Abdul Karim**  
Kolej Universiti Islam Melaka

### **ABSTRAK**

Jurnal ini membincangkan Konfrontasi yang dilancarkan oleh Indonesia terhadap Malaysia pada tahun 1964. Konfrontasi ini dilancarkan kesan daripada ketidakpuasan hati Indonesia terhadap penubuhan gagasan Malaysia. Objektif dalam penulisan ini adalah untuk meneliti punca krisis konfrontasi itu berlaku dan seterusnya mengenalpasti langkah-langkah penyelesaian diplomatik yang diambil oleh Malaysia untuk menamatkan konflik tersebut. Justeru itu, Malaysia menggunakan saluran diplomatik iaitu rundingan dan perbincangan untuk menamatkan konflik dengan negara jirannya. Hasilnya, Konfrontasi telah berakhir dengan Perjanjian Damai pada Ogos 1966 dan pemulihan hubungan Indonesia dan Malaysia semakin baik sehingga kini.

**Kata Kunci:** *Konfrontasi, Punca dan Penyelesaian Pendekatan Malaysia*

## **CONFRONTATION OF MALAYSIA AND INDONESIA: THE APPROACH OF MALAYSIA**

### **ABSTRACT**

This paper discusses the confrontation that was launched by Indonesia against Malaysia in 1964. This confrontation was launched due to dissatisfaction with Indonesia on the establishment of the Malaysia Day. The objective of this paper is to examine the causes of the crisis confrontation took place and then identify steps to resolve the diplomatic measures taken by Malaysia to end the conflict. Hence , Malaysia using diplomatic channels of the negotiations and talks to end the conflict with its neighbours. As a result, confrontation has ended with the peace agreement in August 1966 and the restoration of relations between Indonesia and Malaysia continued to improve until now.

**Keywords:** Confrontation, Causes and Approach of Malaysia

### **PENGENALAN**

Hakikatnya konfrontasi antara Indonesia dan Malaysia bermula lebih awal dari yang meletus pada 1963. Namun, kemuncak permulaan konfrontasi dilihat bermula apabila pengumuman penubuhan gagasan Malaysia oleh Tunku Abdul Rahman di Singapura pada 27 Mei 1961 telah diumumkan oleh Tunku kepada Persatuan Wartawan Luar Negeri Asia Tenggara di Hotel Adelphi, Singapura.<sup>1</sup> Pembentukan gagasan Malaysia melibatkan penggabungan Semenanjung Tanah Melayu dengan negeri-negeri di Kepulauan Borneo iaitu Sabah, Sarawak dan Brunei.

Kemuncak kepada isu Konfrontasi ialah pendaratan tentera Indonesia di Borneo Utara dan Johor. Pencerobohan tentera dan sukarelawan Indonesia telah menimbulkan konflik ketenteraan dan isu rentas sempadan antara negara yang kompleks kerana isu ketidakpuashatian penubuhan gagasan Malaysia. Indonesia melancarkan kempen *Ganyang Malaysia* pada 27 Julai 1963 untuk melancarkan serangan terhadap Malaysia. Konfrontasi berlangsung selama 33 bulan dan berakhir pada 1966.

Penyelesaian yang diambil oleh Tunku Abdul Rahman adalah dengan menggunakan saluran diplomatik iaitu rundingan dan persidangan untuk mencari jalan penyelesaian terhadap kemelut yang melanda kedua-dua

---

<sup>1</sup>J. A. C. Mackie, 1974. *Konfrontasi: The Indonesian- Malaysia Dispute 1963-1966*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, hlm. 36.

negara berjiran. Langkah diplomasi yang digunakan Malaysia untuk mengekang dasar subvertif ketenteraan Indonesia melibatkan pihak ketiga sebagai pemerhati berkecuali. Beberapa siri rundingan dan perjanjian telah dijalankan dan akhirnya pada tahun 1966, Akhirnya, Perjanjian Damai 1966 telah ditandatangani oleh kedua-dua negara dan Konfrontasi ditamatkan secara rasmi.

## **FAKTOR YANG MEMBAWA KEPADA HUBUNGAN INDONESIA – MALAYSIA RETAK**

Dalam melihat faktor yang meretakkan hubungan Malaysia Indonesia ini, keadaan ini sebenarnya sudah bermula seawal kedua-dua negara memperoleh kemerdekaan. Cara memperoleh kemerdekaan mereka itu sendiri mempengaruhi pemikiran mereka. Buktinya kemerdekaan Indonesia yang diperolehi melalui revolusi meangakibatkan rakyat Indonesia menganggap diri mereka lebih unggul daripada rakyat Tanah Melayu dari sudut moralnya.<sup>2</sup> Malah para nasionalis Indonesia memberikan gambaran bahawa kemerdekaan Tanah Melayu seperti satu yang hina dan lemah disebabkan diperolehi dengan sungguh aman dan tiada pengorbanan dan usaha yang bersungguh-sungguh.<sup>3</sup> Lantas perbezaan pegangan ini yang menimbulkan sedikit salah faham dan menjejaskan keakraban antara dua negara ini.

Persaudaraan yang pernah wujud sebelum ini menjadi semakin jauh lagi apabila melihat bentuk kerajaan turut berbeza dimana pihak Indonesia melabelkan Malaysia sebagai kawasan hulu yang mana mundur kerana mengamalkan sistem politik feodal. Malah menurut Indonesia lagi bahawa pemerintahan yang diketuai oleh golongan aristokrat Melayu dan para jutawan Cina telah mengambarkan kemakmuran ekonomi Tanah Melayu masih lagi dibawah kongkongan kapitalis Barat dan Cina.<sup>4</sup> Tambahan pula akibat Tanah Melayu mengamalkan sifat berbaik-baik dengan British turut dikritik. Bagi Indonesia suatu dosa untuk bekerjasama dengan bekas jajahan walaupun untuk kepentingan kedua-dua pihak. Jesteru itu hubungan Indonesia dan bekas jajahannya (Belanda) dingin dan buruk.<sup>5</sup>

Masalah lain yang turut menggugat hubungan dua negara ini seperti tindakan Indonesia yang cuba menambah pengawalan ke atas kawasan perairan Selat Melaka yang didakwa untuk mengatasi masalah

---

<sup>2</sup>J. B. Dalton, 1967, *The Development of Malayan External Policy 1957 – 1963*, Oxford : University of Oxford, hlm., 132.

<sup>3</sup>*Ibid.*

<sup>4</sup>Kunaseelan a/l Muniandy, 1996, *Hubungan Malaysia Indonesia 1957 – 1970*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm., 56.

<sup>5</sup>Zainal Abidin bin Abdul Wahid, 1986, *“Malaysia Southeast Asia and World Politics” dalam Wang Gung Wu (ed), Malaysia : A Survey*, New York : Federick A. Praeger, hlm., 371.

pemberontakan di Sumatra.<sup>6</sup>Namun hal ini dilihat oleh Malaysia sebagai cubaan untuk meluaskan kawasan mereka. Indonesia didapati telah mengisytiharkan semua kawasan perairan Pulau Indonesia tanpa berunding dengan pihak Malaysia sedangkan Selat Melaka kini meliputi juga perairan Persekutuan Tanah Melayu yang mana hanya tiga batu sahaja daripada pantainya. Kerumitan timbul disebabkan Indonesia telah mengambil tindakan menutup beberapa kawasan yang dikenali sebagai kawasan penangkapan ikan tradisional bagi nelayan – nelayan Tanah Melayu. Malahan pihak Indonesia turut mengambil tindakan merampas hasil tangkapan bot – bot nelayan tersebut.<sup>7</sup>

Tindakan Polis marin Indonesia yang mengganggu aktiviti penangkapan nelayan-nelayan sehingga mengambil tindakan melulu dengan menahan dan memenjara tanpa perbicaraan yang adil menyebabkan berlaku ketidakpuasan hati di pihak kerajaan Malaysia.<sup>8</sup> Hal ini berlaku sekitar tahun 1960 dengan membabitkan 31 kejadian pihak berkuasa Indonesia telah menghalau nelayan – nelayan Tanah Melayu yang memasuki perairan mereka. Lebih menimbulkan kemarahan apabila dalam beberapa kejadian, pihak Indonesia telah memasuki kawasan perairan Tanah Melayu untuk menyekat kemasukan nelayan-nelayan Tanah Melayu ke perairan Indonesia.<sup>9</sup>

Manakala dari segi persoalan kaum Cina pula, Indonesia turut cuba mempengaruhi pemikiran pemimpin Malaysia agar mencontohi Indonesia. Indonesia turut tidak bersetuju dengan idea kerajaan Malaysia dalam membangunkan perkongsian perkauman. Malah lebih menjengkelkan lagi apabila Indonesia cuba meragui keharmonian kaum di Malaysia. Bagi Indonesia idea tersebut adalah suatu yang sukar difahami malah mendakwa sebagai suatu eksperimen semata-mata. Indonesia sangat mengharapkan untuk perhubungan antara kaum di Malaysia gagal sekaligus menjadi pemangkin kearah hubungan Malaysia dan Indonesia yang lebih rapat.<sup>10</sup>

---

<sup>6</sup>Rohani Hj. Ab. Ghani, 2012, “Hubungan Malaysia – Indonesia Selayang Pandang” dalam *Malaysia – Indonesia Kepelbagaian Sudut Pandang*, Sintok : Universiti Utara Malaysia Press, hlm., 7.

<sup>7</sup>*Malaysia/Indonesia Relations*, 31<sup>st</sup> August 1957 – 15<sup>th</sup> September 1963, Kuala Lumpur : Jabatan Penerangan.

<sup>8</sup>*Ibid.*

<sup>9</sup>Dewan Rakyat tanah Melayu, Malaysia, Penyata Rasmi Dewan Rakyat II(39), 15 Disember 1960.

<sup>10</sup>Rohani Hj. Ab. Ghani, 2012, “Hubungan Malaysia – Indonesia Selayang Pandang” dalam *Malaysia – Indonesia Kepelbagaian Sudut Pandang*, Sintok : Universiti Utara Malaysia Press, hlm., 8.

Seterusnya masalah golongan kiri dari Tanah Melayu dan Indonesia telah menambahkan lagi kesulitan dalam hubungan dua negara ini. Tujuan golongan ini adalah untuk menggulingkan pemerintahan British di Tanah Melayu.<sup>11</sup> Matlamat ini disokong kuat oleh golongan kiri di Indonesia yang sebenarnya lebih berniat ingin menyatukan Indonesia dan Malaysia dengan membentuk Indonesia Raya atau Melayu Raya.<sup>12</sup>

Walaupun bagaimanapun rancangan menentang ini dapat dihidu polis lantas Ahmad Boestamam telah ditahan polis pada Februari 1963 sekaligus rancangan mengancam keselamatan negara tersebut dapat dipatahkan.<sup>13</sup>

Setelah gagal dalam rancangan pembentukan Indonesia Raya, Indonesia turut dilihat menunjukkan minat mereka terhadap campur tangan dalam hal ehwal politik di dalam Malaysia pula. Buktinya pihak sayap kirinya memperkukuhkan sokongan terhadap barisan sayap kiri kerajaan Malaysia.<sup>14</sup> Selain daripada turut memberikan sokongan secara terbuka terhadap Parti Komunis Malaya semasa masih diiktiraf oleh kerajaan British mahupun semasa melancarkan pemberontakan bersenjata.<sup>15</sup>

Keadaan kemuncak hubungan tegang antara Indonesia dan Malaysia selepas pemberontakan Brunei. Pada 20 Januari 1963, ucapan Dr. Subandrio mengisytiharkan secara rasmi penentangan Indonesia terhadap Malaysia dengan kenyataan:

*“We cannot but adopt a policy of confrontation towards Malaya because at present they represent themselves as accomplices of neo-colonialist and neo-imperialist force pursuing a policy hostile towards Indonesia.”<sup>16</sup>*

Pada 3 Januari 1963, Presiden Sukarno telah mengisytiharkan dasar tersebut secara rasmi dengan mengatakan penentangan Indonesia terhadap Malaysia bukan

---

<sup>11</sup>Hal ini disebabkan golongan kiri yang antaranya diwakili oleh Ibrahim Yaakub, Ahmad Boestamam juga Burhanuddin al Helmy sangat menentang British malah tidak dapat menerima tindakan golongan kanan di Malaysia yang mengamalkan sifat baik – baik dengan penjajah barat tersebut. <sup>11</sup>Kunaseelan a/l Muniandy, 1996, *Hubungan Malaysia Indonesia 1957 – 1970*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm., 65.

<sup>12</sup>*Ibid.*, hlm., 66.

<sup>13</sup>*Ibid.*

<sup>14</sup>Rohani Hj. Ab. Ghani, 2012, *“Hubungan Malaysia – Indonesia Selayang Pandang” dalam Malaysia – Indonesia Kepelbagaian Sudut Pandang*, Sintok : Universiti Utara Malaysia Press, hlm., 7.

<sup>15</sup>*Ibid.*

<sup>16</sup>*StraitsTimes*, 21 Januari 1963.

disebabkan pengaruh komunis tetapi melihat Malaysia sebagai mewakili kuasa neokolonialisme.<sup>17</sup>

## **KEMUNCAK KEMARAAN INDONESIA DENGAN MELANCARKAN KONFRONTASI TERHADAP MALAYSIA**

Konfrontasi secara terbuka bermula apabila Sukarno mengisytiharkan Dwi Komando Rakyat (DWIKORA) pada 3 Mei 1964. Pengisytiharan ini bertujuan mempertingkatkan pertahanan Indonesia dan membantu pemberontak di Malaysia, Singapura, Sabah dan Sarawak bagi menggayang Malaysia.<sup>18</sup> Kempen *Ganyang Malaysia*<sup>19</sup> oleh Sukarno dilancarkan sebaik sahaja Tunku Abdul Rahman berjaya membentuk Malaysia pada tahun 1963. Sebelum berlakunya konflik secara terbuka ini, banyak usaha diplomatik dijalankan dalam usaha menyelesaikan konflik namun tidak berjaya. Contohnya seperti Persidangan Bangkok dan Persidangan Puncak Bangkok pada 20-21 Jun 1964. Selain itu, terdapat juga usaha untuk mewujudkan satu pertubuhan serantau yang merangkumi Malaysia, Filipina dan Indonesia iaitu Maphilindo namun turut menemui kegagalan. Indonesia telah mengambil tindakan mencerooboh Sabah dan Sarawak serta selatan Semenanjung oleh Tentera Nasional Indonesia. dan yang nyata pencerobohan tersebut merupakan kemuncak kepada Konfrontasi Indonesia-Malaysia.

Serangan ketenteraan yang pertama telah dilancarkan oleh Indonesia dengan mendaratkan sukarelawan Indonesia di wilayah Malaysia. Pendaratan tentera gerila yang menggelarkan diri mereka sebagai Tentera Nasional Kalimantan Utara (TNKU) di Sarawak pada 12 April 1963. Sukarelawan perang dan para gerila Indonesia mula bertindak menyelip masuk ke dalam sempadan Malaysia. Ketika ini, penyelip dan pencerobohan masuk mula dengan menyerang Balai Polis Tebedu di Sarawak yang terletak kira-kira 5 kilometer daripada sempadan Indonesia. Tugas peyelusipan diletakkan di bawah bahu Mejar Benny Moerdani. Namun begitu serangan berjaya dipatahkan oleh Rejimen Askar Melayu Diraja Malaya dan Askar Gurkha.<sup>20</sup>

Serangan di Semenanjung telah berlaku di Pontian, Johor iaitu di Pantai Kukup dan Benut pada 17 Ogos 1964. Selain itu, serangan di Labis, Johor berlaku pada 2 September 1964. Serangan ini dijalankan oleh pasukan regular dan paratroopers yang terdiri daripada rakyat Indonesia. Pasukan penyerang terdiri dari kumpulan irregular yang merupakan rakyat Malaysia yang dilatih di Pasir Panjang, Pulau

---

<sup>17</sup>FO 371/187567, Malaysia /Indonesia Confrontation. Lihat juga Berita Harian, 16 September 1964.

<sup>18</sup> Syed Osman Syed Omar, 1999. *Tentera Malaysia dalam era Konfrontasi*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 40- 60

<sup>19</sup>A.G.Mezerik, 1965, *Malaysia – Indonesia Conflict*, hlm., 26.

<sup>20</sup> Syed Osman Syed Omar, 1999. *Tentera Malaysia dalam era Konfrontasi*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 40- 60.

Karimon, Indonesia. Kumpulan paratroopers yang terjun di Johor telah berjaya dipatahkan oleh pasukan keselamatan Malaysia dan penduduk tempatan.<sup>21</sup>

Walaupun pencerobohan berjaya ditumpaskan oleh pasukan keselamatan Malaysia. Pasukan keselamatan Malaysia tidak menolak bahawa Indonesia akan melancarkan lagi pencerobohan. Semenjak pencerobohan pertama di Sarawak, tentera Indonesia telah menceroboh masuk Sarawak sebanyak 116 kali dan sebanyak 61 kali di Sabah.<sup>22</sup> Di antara 13 November 1963 sehingga 24 Mei 1964, terdapat 33 pencerobohan ruang udara oleh Indonesia terhadap Malaysia.<sup>23</sup> Pasukan keselamatan Malaysia ketika itu meminta bantuan British untuk pertahanan udara kerana kelengkapan dan kekurangan tenaga manusia. Walaupun serangan dan pencerobohan terus berlaku, kedua-dua pihak tidak mengisytiharkan perang secara terbuka di Borneo. Sebaliknya cuma pencerobohan dan perang gerila berlaku di sepanjang sempadan sehingga Konfrontasi berakhir. Banyak perbelanjaan ketenteraan telah disalurkan untuk mengatasi masalah tersebut.<sup>24</sup>

Konfrantasi Indonesia terhadap Malaysia menjadi semakin rumit apabila Malaysia terpilih sebagai anggota tidak tetap Majlis Keselamatan PBB pada bulan Disember 1964. Sebagai protes kepada penyertaan Malaysia menjadi anggota PBB, Indonesia telah menarik diri daripada keanggotaan PBB pada Januari 1965. Pada pertengahan 1965, Indonesia mula menggunakan pasukan rasminya setelah kesemua pasukan komando dan sukarelawan yang melakukan penyusupan di Malaysia gagal. Pada 28 Jun 1965, mereka menyeberangi sempadan ke timur Pulau Sebatik berhampiran Tawau, Sabah dan melakukan serangan dan sabotaj ke atas kem RAMD di Tawau, namun cubaan itu gagal kerana kem itu berhampiran dengan balai polis dan disedari oleh anggota-anggota polis di situ lantas berjaya mematahkan cubaan tersebut. Selain itu terdapat cubaan tentera laut Indonesia untuk menyerang Singapura yang pada ketika itu berada dalam Malaysia melalui Selat Melaka. Namun pencerobohan dapat dipatahkan oleh tentera laut Malaysia. Dalam laporan *Straits Times*, 26 Jun 1965 terdapat cubaan menceroboh tetapi berjaya dipatahkan oleh KD Pelandok. Beberapa buah bot yang membawa bahan letupan berjaya dikesan dan berlaku pertempuran. Tujuh orang tentera Indonesia berjaya ditembak mati dan sembilan lagi telah ditangkap.<sup>25</sup> Konflik ketenteraan yang dilancarkan oleh Indonsia telah menimbulkan ketegangan diantara Malaysia dan Indonesia. Malaysia melihat isu pencerobohan sebagai suatu

---

<sup>21</sup>Dewan Rakyat tanah Melayu, Malaysia, Penyata Rasmi Dewan Rakyat II(39), 10 September 1964..

<sup>22</sup>*Indonesian Involvement in Eastern Malaysia*, 1964. Kuala Lumpur : Jabatan Chetak Kerajaan, hlm. 47.

<sup>23</sup>*Ibid*, hlm. 76.

<sup>24</sup>Peruntukan kepada pertahanan merupakan belanja mengurus terbesar. Lihat *Malaysian Year Book 1963, Malaysian Year Book 1964*.

<sup>25</sup>*Straits Times*, 26 Jun 1965.

yang sangat serius dan menjalankan langkah-langkah untuk mengatasi konflik tersebut.

## **PENDEKATAN MALAYSIA DALAM MENANGANI KONFRONTASI.**

### ***Pertolongan keselamatan dan pertahanan dari Negara Komanwel***

Berikutan peristiwa konfrontasi Malaysia dan Indonesia tiada kesudahan. Bantuan daripada negara Komanwel adalah sangat penting kerana ia telah melibatkan penglibatan beberapa buah negara besar seperti Britain, Australia, dan New Zealand.<sup>26</sup> Malahan kerajaan British turut bersama terutama dalam peranannya untuk menyokong sepenuhnya penubuhan Malaysia. Tambahan pula bagi Britain pula, tindakan menyokong pembentukan Malaysia ini penting kerana dengan pembentukan Malaysia, keseimbangan kuasa di rantau Asia Tenggara akan lebih terjamin malahan ianya juga akan dapat melindungi kepentingan ekonomi pihak British kawasan Asia Tenggara.<sup>27</sup>

Bantuan daripada Negara Komanwel ini sangat besar dari segi penggunaan tentera selepas Perang Dunia Kedua. Bantuan tentera tersebut adalah untuk menjadi pelindung daripada pencerobohan tentera Indonesia ke atas wilayah-wilayah Malaysia. Sumbangan negara Komanwel ini terutamanya adalah datang dari British, Australia juga New Zealand yang telah bertungkus lumus mengawal sempadan Malaysia daripada pencerobohan tentera Indonesia.<sup>28</sup> Sejak awal kemerdekaan lagi sudah ada perjanjian pertahanan Britain-Tanah Melayu (Anglo-Malayan Defence Agreement (AMDA) yang memberikan jaminan keselamatan semaksimumnya.<sup>29</sup> Lantas Malaysia sebenarnya amat bertuah kerana walaupun tidak memiliki kekuatan dalam aspek ketenteraan yang canggih namun dengan bantuan negara-negara besar ini keselamatan Malaysia masih terjamin.

Malaysia terpaksa meminta bantuan dari negara Komanwel disebabkan Malaysia secara sendirian tidak dapat menghadapi serangan Indonesia kerana kekurangan pasukan tentera Malaysia. Jumlah tentera Indonesia yang hampir 300,000 dan turut mendapat sokongan senjata di laut dan udara menyukarkan untuk Malaysia bergerak sendirian. Lantas Malaysia memerlukan sokongan dari negara – negara sahabat bagi mempertahankan dirinya daripada ancaman luar.<sup>30</sup> Keadaan menjadi lebih mudah apabila hampir kesemua ahli Komanwel menghulurkan bantuan. Kerjasama ini sebenarnya juga akan mengurangkan tanggungjawab pengawalan keselamatan dan pentadbiran British di wilayah-

---

<sup>26</sup>FO 371/181502 Malaysia / Indonesia Confrontation

<sup>27</sup>Mohd bin Samsudin, 1995, *Kajian Dasar Luar Malaysia Penglibatan Pertahanan dan Keselamatan Negara – Negara Komanwel di Malaysia (1957-1971)*, Universiti Kebangsaan Malaysia : Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, hlm., 22.

<sup>28</sup>*Ibid.*, hlm., 23.

<sup>29</sup>*Ibid.*, hlm., 14-17.

<sup>30</sup>*Ibid.*, hlm., 24.



wilayah yang terlibat sekaligus menjamin keselamatan dan ekonomi negara di Asia Tenggara.<sup>31</sup>

Seawal penghujung tahun 1962, kerajaan Australia dan New Zealand telah memberikan kebenaran kapal terbang pengangkut mereka dia Singapura digunakan oleh pasukan tentera British bagi menjalankan operasi di Brunei.<sup>32</sup> Begitu juga pada awal tahun 1963, pihak British bersiap sedia bagi menghadapi sebarang kemungkinan dengan meletakkan pasukan CSR dalam keadaan berjaga – jaga. Bantuan juga tidak berpenghujung terutama apabila Malaysia secara rasmi ditubuhkan pada 16 September 1963. Perdana Menteri New Zealand telah berbesar hati untuk menawarkan bantuan bagi membiayai latihan anggota tentera dan peralatan ketenteraan kepada Malaysia. Begitu juga tindakan yang dilakukan oleh Perdana Menteri Australia apabila memberikan jaminan bahawa negaranya akan memberikan bantuan ketenteraan dan terbukti ketika menentang tentera Inonesia ketika pencerobohan di Pontian, Johor.<sup>33</sup>

### ***Bantuan pihak ketiga: Robbert Kennedy (Peguam negara Amerika Syarikat)***

Peranan Robbert Kennedy yang menjadi utusan khas Amerika Syarikat antara usaha utama dalam mencapai kedamaian dua negara ini. Manakala Presiden Kemboja, Putera Norodom Sihanouk juga turut bersama dalam proses rundingan ini. Hasil pertemuan Presiden Sukarno dan Macapagal di Filipina pada 7 Januari 1964 membuahkan persetujuan mereka untuk bertemu Tunku Abdul Rahman bagi membincangkan cadangan menamatkan konfrantasi menerusi kerjasama di dalam permuafakatan MAPHILINDO.<sup>34</sup>

Selesai berunding bersama Macapagal, Sukarno bertemu Robert Kennedy di Tokyo dan menyatakan hasrat ingin menyelesaikan konfrantasi secara rundingan. Semasa pertemuan yang bertarikh 17 Januari 1964, Kennedy telah menekankan bahawa beliau berminat untuk menyelesaikan masalah Malaysia Indonesia dengan aman dan secara rundingan. Jesteru itu Kennedy melawat Malaysia pada 21 Januari 1964 dan turut bertemu Putera Norodom yang ketika itu sedang melawat Malaysia. Pertemuan pemimpin utama ketiga – tiga negara tersebut mendorong kepada pertemuan tiga penjujur Menteri – menteri luar Malaysia, Indonesia dan Filipina di Bangkok pada Februari 1964. Langkah seterusnya Tunku Abdul Rahman telah mengadakan pertemuan dengan Presiden Macapagal di Phnom Penh dari 10 hingga 12 Februari 1964. Perbincangan lebih difokuskan kepada hal tuntutan Sabah. Hasil perbincangan kedua-duanya bersetuju mengkaji cadangan untuk mengadakan hubungan diplomatik pada peringkat konsul.<sup>35</sup>

---

<sup>31</sup> *Ibid.*

<sup>32</sup> *Ibid.*, hlm., 26.

<sup>33</sup> *Ibid.*, hlm., 27.

<sup>34</sup> Straits Times, 14 Januari 1964.

<sup>35</sup> A.G. Mezerik, 1965, *Malaysia – Indonesia Conflict*, hlm., 84.

Sebagai Orang tengah, Kennedy telah diberitahu oleh Tunku Abdul Rahman supaya mengarahkan Indonesia mengundurkan tenteranya dari wilayah Borneo sebelum sebarang usaha rundingan ingin dijalankan. Kennedy membalas permintaan Tunku Abdul Rahman dengan menyatakan bahawa Sukarno juga turut bersedia mengadakan rundingan dan menjalankan genjatan senjata di Borneo dengan syarat British mengundurkan tenteranya dari wilayah berkenaan. Kedua-dua bersetuju dan genjatan senjata dilakukan. Thailand diberikan peranan sebagai pengawas berkecuali. Walaubagaimanapun usaha Robert Kennedy ini tidak membuahkan hasil akhirnya disebabkan Sukarno dianggap tidak begitu serius kerana menimbulkan kekaburan terhadap pendirian menamatkan konfrantasi. Genjatan senjata yang dilaksanakan tidak berjaya menamatkan konflik ini akibat kedua – duanya saling tuduh menuduh dalam isu ini.<sup>36</sup>

### ***Rundingan Menteri – menteri luar***

Rundingan peringkat menteri-menteri luar Malaysia, Indonesia, dan Filipina diadakan pada Februari 1964 di Bangkok. Isu yang dibincangkan adalah pelaksanaan genjatan senjata dan pengunduran tentera dari wilayah Malaysia. Rundingan ini gagal ekoran pertelingkahan yang tidak berkesudahan. Namun persetujuan penting yang dicapai berkaitan genjatan senjata di wilayah Borneo bagi mengekalkan permuafakatan yang wujud dalam MAPHILINDO.<sup>37</sup> Rundingan kedua pada 2 Mac 1964 sekali lagi diadakan di Bangkok dan masih berkisar isu genjatan senjata dan pengunduran tentera. Malaysia mengekalkan tuntutan agar pengunduran tentera dilaksanakan terlebih dahulu sebelum rundingan lanjut dijalankan.<sup>38</sup> Malaysia menganggap masalah pengunduran tentera tiada kaitan dengan soal politik kerana masalah pencerobohan melibatkan kedaulatan dan kemerdekaan sesebuah negara.<sup>39</sup> Lantas bagi Malaysia mempertahankan kedaulatan menjadi keutamaan.

Sebaliknya Indonesia menuntut menyelesaikan masalah politik dahulu dan proses pengunduran akan dijalankan seiring.<sup>40</sup> Awalnya Malaysia menolak cadangan itu kerana dianggap paksaan namun atas nasihat Thailand dan Filipina bahawa proses pengunduran akan dijalankan secara berperingkat Malaysia akur. Rundingan kedua ini turut gagal kerana tiada toleransi malah Indonesia menambahkan lagi siri pencerobohan yang memaksa Malaysia mengancam untuk membuat aduan kepada PBB jika berterusan. Namun pada 19 April 1964 Tunku sekali lagi menyatakan kesediaannya untuk berunding dengan Sukarno dengan syarat Sukarno perlu menulis dahulu cadangan-cadangan untuk dipertimbangkan namun disambut

---

<sup>36</sup>*Berita Harian*, 24 Januari 1964

<sup>37</sup>FO 371/169899

<sup>38</sup>Kunaseelan a/l Muniandy, 1996, *Hubungan Malaysia Indonesia 1957 – 1970*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm.,209.

<sup>39</sup>*Berita Harian*, 7 Mac 1964.

<sup>40</sup>FO 371/187567

negetif oleh Sukarno.<sup>41</sup> Dalam masa yang sama politik dalaman Malaysia semakin memuncak apabila Parti Perikatan menang besar dalam pilihanraya pada tahun tersebut.<sup>42</sup> Hal ini telah memberikan tekanan hebat kepada Sukarno sebagai musuhnya ketika itu. Tambahan pula hubungan Malaysia dan Filipina pula semakin pulih kerana peranan yang dimainkan oleh Salvador Lopez.<sup>43</sup>

Kedua-dua negara tetap dengan pendirian masing-masing dimana tiada persetujuan dan kata sepakat dicapai dalam Persidangan Bangkok. Walaupun kegagalan persidangan di Bangkok menyebabkan konflik yang berterusan tetapi ia tidak menutup ruang dan jalan kepada persidangan seterusnya dalam usaha menyelesaikan Konfrontasi antara kedua-dua negara.

### ***Bersidang di Tokyo (Perdamaian yang dikenali sebagai Afro-Asian Concillation Commission)***

Pada 12 Jun 1964, Sekali lagi persidangan peringkat Menteri Luar telah diadakan di Tokyo. Persidangan ini merupakan inisiatif Filipina dalam mencari jalan penyelesaian kepada kemelut yang melanda. Pada 12 Jun 1964, delegasi Malaysia yang diketuai oleh Tun Abdul Razak telah berangkat ke Tokyo untuk menghadiri Sidang Kemuncak Peringkat Menteri Luar pada 20 Jun 1964 dan Persidangan Ketua-Ketua Negara pada 21 Jun 1964.<sup>44</sup>

Pada persidangan Peringkat Menteri-menteri Luar, kesemua pihak yang terlibat telah bersetuju untuk menimbang cadangan Presiden Macapagal untuk menubuhkan Suruhanjaya Damai Afro-Asia<sup>45</sup> untuk mengkaji dan mengemukakan syor penyelesaian.<sup>46</sup> Indonesia dan Malaysia telah bersetuju untuk menerima cadangan Thailand mengenai pembukaan pusat pemeriksaan di Sempadan Sarawak-Kalimantan dan di sempadan Sabah-Kalimantan.<sup>47</sup>

Tiada kata sepakat dicapai dalam persidangan Menteri-menteri Luar apabila Indonesia menolak cadangan Malaysia agar Indonesia mengundurkan tenteranya dari wilayah Malaysia dalam tempoh empat minggu dan Konfrontasi dihentikan serta merta sebelum sebarang perbincangan diteruskan. Indonesia melalui Soekarno menolak cadangan Malaysia mahukan pengunduran tentera Indonesia selari dengan proses perdamaian dengan Malaysia Beliau juga mendesak supaya

---

<sup>41</sup>*Berita Harian*, 20 April 1964

<sup>42</sup>*Berita Harian*, 27 April 1964

<sup>43</sup>*Straits Times*, 9 Mei 1964

<sup>44</sup>*Ibid*, hlm. 115.

<sup>45</sup>Perwakilan tersebut mengandungi empat ahli dari negara-negara lain dan tiga daripadanya dipilih oleh Indonesia, Malaysia dan Filipina. Sementara itu, ahli keempat dipilih secara sebulat suara oleh ketiga-tiga negara yang terlibat.

<sup>46</sup>The Tokyo Summit Communique and Purposed Malaysian Communique dalam A. G. Mazerick, hlm. 115.

<sup>47</sup>*Malay Mail*, 14 Jun 1964.

persetujuan di Manila dipatuhi dan menegaskan pengunduran hanya dapat dilakukan mengikut tahap kemajuan penyelesaian diplomatik.

Persidangan di Tokyo telah menyebabkan Indonesia dan Malaysia menandatangani cadangan perdamaian yang dikenali sebagai *Afro-Asian Concillation Commission*.<sup>48</sup> Dalam *Afro-Asian Concillation Commission*, Sukarno telah bersetuju dengan cadangan baru tersebut namun Tunku Abdul Rahmn hanya menerima secara dasarnya sahaja.<sup>49</sup> Filipina telah berfungsi sebagai pendamai dalam perjanjian tersebut. Namun begitu, *Afro-Asian Concillation Commission* ini telah luput secara automatik apabila pihak Indonesia menguatkan konfrontasinya terhadap Malaysia. Dasar Kofrontasi diteruskan dan Indonesia menyatakan pihaknya bebas melaksanakan dasar Konfrontasinya untuk menghancurkan Malaysia.<sup>50</sup> Tunku Abdul Rahman menyatakan bahawa kegagalan persidangan di Tokyo tidak merugikan Malaysia.

*“Kita telah menunjukkan kepada dunia bahawa kita telah berusaha sedaya upaya untuk menjamin keamanan dalam wilayah-wilayah kita. Dengan memberi persetujuan hendak mengundurkan tentera dan gerila dari Sabah dan Sarawak, Indonesia telah mengakui tentera dan gerilanya tidak berhak berada di negeri orang lain.”*<sup>51</sup>

Kenyataan oleh Tunku menunjukkan bahawa Malaysia memperoleh kemenangan moral yang besar apabila berjaya menunjukkan kepada dunia bahawa Malaysia mempunyai jiran yang tidak menghormati hak-hak kemanusiaan.<sup>52</sup> Keadaan tersebut memberikan Indonesia tekanan dimana dunia telah mengetahui tindakannya melancarkan Konfrontasi kepada Malaysia. Hal ini disebabkan langkah pertama untuk membawa pencerobohan tentera Indonesia dalam wilayah Malaysia ke Persidangan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Selepas pulang dari Tokyo, Tunku Abdul Rahman memberi amaran kepada rakyat Malaysia untuk bersedia menghadapi tindakan yang buruk dari Indonesia.<sup>53</sup> Hal ini kerana Tunku melihat pendirian Indonesia yang tidak mahu mengundurkan tenteranya dari wilayah Malaysia dan akan terus menjalankan dasar Konfrontasinya terhadap Malaysia apabila kegagalan *Afro-Asian Concillation Commission*. Oleh yang demikian, kegagalan rundingan damai telah menguatkan lagi konflik antara Indonesia dan Malaysia

---

<sup>48</sup>The Tokyo Summit Communique and Purposed Malaysian Communique dalam A. G.Mazerick, hlm. 115

<sup>49</sup>*Ibid.*

<sup>50</sup>*Berita Harian*, 25 Jun 1964.

<sup>51</sup>*Berita Harian*, 22 Jun 1964.

<sup>52</sup>*Berita Harian*, 23 Jun 1964.

<sup>53</sup>*Ibid.*

### ***Membuat Laporan kepada Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa- Bangsa Bersatu (PBB).***

Tindakan Malaysia seterusnya adalah melaporkan mengenai pencerobohan tentera Indonesia dalam wilayah Malaysia kepada Maljls Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Pencerobohan di Borneo dan Johor dilaporkan oleh wakil Malaysia ke PBB, R. Ramani pada 17 Ogos 1964.<sup>54</sup> Terdapat pendaratan oleh TNI di Labis, Johor iaitu pada 2 September 1964 namun telah berjaya dipatahkan oleh pihak keselamatan. Kementerian Luar Indonesia memberikan respon bahawa mereka tidak mengetahui mengenai pencerobohan yang dilakukan oleh Tentera Nasional Indonesia (TNI) dan mendakwa pencerobohan itu sebagai propaganda memburukkan kerajaan Indonesia.

Akibat pencerobohan Indonesia tidak reda, pada 3 September 1964, kerajaan Malaysia mengisytiharkan darurat dalam negeri dan meminta Majlis Keselamatan PBB mengadakan sidang segera untuk mengambil tindakan terhadap Indonesia.<sup>55</sup> Dato Dr. Ismail Abdul Rahman<sup>56</sup> telah mengumumkan mengenai pencerobohan Indonesia ke PBB disebabkan pencerobohan oleh Indonesia semakin bertambah. Majlis Keselamatan PBB telah bersidang dari 9 September hingga 17 September 1964 untuk meneliti aduan yang dikemukakan oleh Malaysia.<sup>57</sup> Laporan tersebut merupakan desakan Malaysia kepada PBB untuk menyekat pencerobohan tentera Indonesia di Borneo dan Johor kerana tindakan tersebut telah mencabul kedaulatan wilayah Malaysia. PBB mempunyai kuasa dalam usaha menyelesaikan konflik yang semakin meruncing antara Malaysia dan Indonesia.

Dalam persidangan tersebut, wakil Malaysia telah membentangkan laporan terperinci mengenai pencerobohan Indonesia ke wilayah Malaysia dengan tumpuan kepada pendaratan tentera TNI di Labis, Johor pada 2 September 1964. Malaysia mengemukakan bukti- bukti seperti senjata, pakaian seragam tentera TNI dan dokumen. Pada awalnya Indonesia menafikan dakwaan tersebut namun akhirnya mengakui pencerobohan yang dilakukan setelah bukti-bukti dikemukakan oleh pihak Malaysia.<sup>58</sup> Bagi mengakhiri perkara tersebut, satu resolusi telah dicadangkan oleh ahli Majlis Keselamatan PBB iaitu Norway untuk menyelesaikan persengketaan diantara Malaysia dan Indonesia. Resolusi Norway telah disambut baik oleh Malaysia namun pihak Indonesia tidak bersetuju. Pengundian telah dijalankan pada 17 September 1964 dimana sembilan negara

---

<sup>54</sup> *Communication with the Security Council Aggression*, 11 Ogos- 28 Mei 1965, Kuala Lumpur: Government Press, 1965, hlm. 3.

<sup>55</sup> *Straits Times*, 4 September 1964.

<sup>56</sup> Dato Dr. Ismail Abdul Rahman merupakan Ketua Perwakilan Malaysia Ke Pertubuhan Bangsa- Bangsa Bersatu.

<sup>57</sup> *Malay Mail*, 4 September 1964.

<sup>58</sup> *Malaysia's Case in the United Nations Security Council: documents reproduced from the official record of the Security Council proceedings*. Kuala Lumpur:: Ministry of External Affairs, 1964.

menyokong iaitu Bilovia, Republik China, Brazil, Morocco, Ivory Coast, Norway, United Kingdom, Perancis, dan Amerika Syarikat. Dua negara menentang iaitu Soviet Union dan Czechoslovakia.<sup>59</sup>Resolusi tersebut akhirnya gagal kerana Soviet Union menggunakan kuasa vetonya membatalkan resolusi itu untuk melindungi maruah Indonesia di peringkat antarabangsa kerana Indonesia negara pro-komunis. Namun begitu, Malaysia telah berjaya memberitahu dunia mengenai pencerobohan Indonesia ke wilayah Malaysia. Indonesia kecewa dengan pengundian di PBB dan telah menguatkan serangan ke wilayah Malaysia.

Kegagalan Resolusi Norway telah menyebabkan Indonesia menguatkan pencerobohannya. Sepanjang tahun 1964, hampir 200 kejadian pencerobohan oleh Indonesia dan mengakibatkan kematian yang ramai diantara kedua-dua belah pihak.Semua kejadian tersebut dilaporkan oleh wakil tetap Malaysia ke Majlis Keselamatan PBB.<sup>60</sup> Kejadian pencerobohan tersebut mengakibatkan lebih 100 tentera Malaysia termasuk tentera Komanwel mati serta cedera manakala lebih 500 orang tentera gerila Indonesia terkorban atau cedera.<sup>61</sup> Keadaan tersebut semakin meruncing apabila konflik ketenteraan kedua-dua buah negara yang semakin buruk ditambah dengan perlantikan Malaysia sebagai anggota Majlis Keselamatan PBB selama setahun.

Perlantikan Malaysia telah mengeruhkan konflik antara kedua buah negara berjiran.Permalinkan Malaysia telah ditentang oleh Sukarno. Pada 31 Disember 1964, Sukarno telah mengisytiharkan bahawa Indonesia akan keluar daripada PBB jika Malaysia menjadi ahli Majlis Keselamatan PBB<sup>62</sup>.

*“we cannot bear the fact that Malaysia was elected as non- permanent member of United Nations Security Council. We cannot remain an idle spectator to the fact Malaysia, which, as far as we concerned, does not exist, sits in the United Nations Security Council.”*<sup>63</sup>

Pada tahun 1964, Indonesia telah menghantar surat rasmi kepada Setiausaha Agung PBB, U Thant yang menyatakan bahawa Indonesia secara rasminya keluar dari PBB. Pengunduran Indonesia ini telah menyebabkan hubungan dengan Republik Rakyat China (PRC) semakin akrab. PRC memberikan bantuan kewangan kepada Indonesia.Keadaan tersebut telah membahayakan kedudukan Malaysia kerana PRC memberikan sokongan penuh kepada Indonesia untuk meneruskan Konfrontasi kepada Malaysia. Pengaruh PKI dalam kerajaan Indonesia merupakan salah satu faktor Indonesia menarik diri dari PBB. Selain itu,

---

<sup>59</sup>A.G.Mezerik, 1965, *Malaysia – Indonesia Conflict*, hlm.,117-118.

<sup>60</sup>*Indonesian aggression against Malaysia*, Kuala Lumpur: Government Press, 1965,hlm. 5-29.

<sup>61</sup>Ibid.

<sup>62</sup>A.G.Mezerik, 1965, *Malaysia – Indonesia Conflict*, hlm., 118.

<sup>63</sup>India, Indonesia and the Emergence of Malaysia”, *International Studies*, Bombay: Vikas Press, 1978, hlm. 585.

Indonesia menentang perlantikan Malaysia kerana beranggapan Malaysia tidak wujud. Sebenarnya hal ini merupakan salah satu langkah Malaysia dalam usaha untuk menyelesaikan isu konfrontasi dengan Indonesia.

Walaupun bagaimanapun, aduan Malaysia ke Majlis Keselamatan PBB tidak berjaya menyelesaikan masalah Konfrontasi malahan menyebabkan Indonesia menarik diri dari PBB. Negara-negara pro-komunis seperti Soviet Union mempertahankan tindakan Indonesia. Keadaan tersebut mengeruhkan lagi hubungan berkonflik antara kedua buah negara, Pergolakan politik Indonesia yang berlaku pada 30 September 1965 menjadi titik peralihan yang penting dalam politik domestik Indonesia sekaligus telah mengubah landskap hubungannya dengan Malaysia. Pergolakan tersebut merupakan hasil daripada kegagalan rampasan kuasa oleh golongan pro-komunis yang menyebabkan peralihan kuasa kepada pihak tentera dalam pemerintahan Indonesia. Suharto telah meletakkan pandangan yang berbeza dengan apa yang diamalkan oleh Sukarno sebelum ini dengan mengambil langkah-langkah untuk memulihkan hubungan antara Malaysia dan Indonesia.

### ***Perjanjian Damai 1966***

Pelbagai usaha telah dilaksanakan bagi mencari jalan kedamaian Konfrontasi diantara kedua-dua buah negara ini. Jika dilihat proses perundingan pada peringkat pertama iaitu sebelum Malaysia ditubuhkan, Tunku Abdul Rahman telah berjaya mencapai matlamatnya dengan berjaya memaksa Sukarno menerima misi penilaian PBB. Dalam hal ini, Sukarno dilihat gagal menggunakan isu dan propaganda untuk melemahkan kedudukan Tanah Melayu dan menghasut Sabah dan Sarawak supaya menolak idea Malaysia. Begitu juga kejayaan dilihat seolah-olah memihak kepada Tunku pada peringkat kedua iaitu selepas penubuhan Malaysia pada 16 September 1963 apabila gerakan komunis Indonesia berjaya dilumpuhkan dan Sukarno gagal dalam rampasan kuasa dengan Suharto. Walaupun Parti Komunis Indonesia (PKI) menerusi sokongan Parti Komunis China (PKC) melancarkan Gerakan September 30 (GESTAPU) 1965, namun golongan yang berjaya menentang gerakan komunis di bawah jeneral Suharto telah berjaya mematahkan percubaan PKI untuk merampas kuasa. Kegagalan PKI bermakna kejatuhan Presiden Sukarno.

Pemerintahan Indonesia kemudiannya diambil alih oleh Jeneral Suharto. Sebaik sahaja mengambil alih pemerintahan, Suharto telah menyemak kembali segala dasar luar Indonesia dan mengambil daya usaha untuk menamatkan Konfrontasi dengan Indonesia. Proses perdamaian antara Indonesia dan Malaysia melalui beberapa peringkat rundingan. Dalam proses perdamaian peringkat akhir ini, Indonesia secara rasmi telah menamatkan Konfrontasi terhadap Malaysia pada tahun 1966. Sebaik sahaja Suharto berjaya merampas kuasa, beliau telah melantik

Adam Malik sebagai Menteri Luar Indonesia. Pada 4 April 1966, Adam Malik mengumumkan bahawa Indonesia akan menilai semula dasar luarnya.<sup>64</sup>

Menurut J. A. C. Mackie, perlantikan Adam Malik dalam kabinet Suharto merupakan satu tahap baru proses perdamaian untuk memulihkan hubungan antara Malaysia dan Indonesia. Kedua-dua pihak mempunyai kehendak yang sama dalam iaitu memulihkan hubungan antara kedua-dua negara. Adam Malik menyatakan ingin melihat Konfrontasi ditamatkan secepat mungkin manakala Tunku Abdul Rahman juga berhasrat untuk memulihkan hubungan dengan Indonesia, sekiranya Indonesia menghentikan dasar konfrontasi serta memberhentikan aktiviti dan mengundurkan tenteranya daripada wilayah Malaysia. Indonesia mengambil inisiatif menjalankan beberapa pertemuan dengan pemimpin Malaysia bagi membincangkan proses rundingan antara kedua-dua pihak.

Beberapa rundingan telah diatur antara kedua-dua pemimpin kanan Indonesia dan Malaysia untuk membincangkan kandungan perjanjian damai. Antaranya ialah pertemuan Tun Ghazali Shafei dengan Mejar- Jeneral Ali Moetopo yang merupakan Pegawai Kanan Tentera Nasional Indonesia. Pertemuan telah diadakan di Bangkok pada 23 dan 24 April 1966 dan diadakan secara sulit<sup>65</sup>. Dalam pertemuan ini, beberapa perkara telah dibincangkan. Antaranya ialah mengenai penambahan dan petempatan tentera Indonesia di sempadan dan maksud Indonesia untuk menamatkan konfrontasi. Selain itu, perkara lain juga turut membincangkan mengenai tujuan Suharto mengadakan pertemuan tersebut serta isu-isu yang melibatkan hubungan diplomatik. Perbincangan telah berjaya menjelaskan perbezaan antara kedua-dua negara. Namun begitu, pertemuan yang hanya dapat dilihat tidak lebih kepada perbincangan antara pegawai kanan Indonesia dan Malaysia, pertemuan ini telah membuka ruang kepada Malaysia dan Indonesia berdialog bagi menamatkan Konfrontasi.

Pertemuan pertama pegawai kanan antara Indonesia dan Malaysia ini telah membawa kepada pertemuan antara Adam Malik dengan Tun Ghazali Shafie di Bangkok pada 30 April 1966.<sup>66</sup> Merupakan pertemuan pertama kedua-dua pemimpin dalam usaha ke arah penyelesaian konflik dengan membincangkan syarat-syarat perdamaian. Adam Malik menyatakan dalam perbincangan dengan Tun Ghazali Shafie bahawa Indonesia bersetuju dengan cadangan perdamaian Malaysia dengan beberapa perkara perlu diteliti dan dibincangkan secara rasmi. Dalam pertemuan tersebut, perkara yang menjadi teras perbincangan ialah berkaitan perdagangan, pengiktrafan Singapura, jaminan pengunduran tentera dan tiada lagi pencerobohan oleh tentera Indonesia, perlantikan pemerhati berkecuali dalam perjanjian perdamaian serta memikirkan formula terbaik yang memberikan situasi menang-menang kepada Indonesia dan Malaysia. Selepas pertemuan

---

<sup>64</sup>. Nik Anuar Nik Mahmud, *Konfrontasi Malaysia Indonesia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm.226.

<sup>65</sup>*Ibid.*

<sup>66</sup>*Ibid.*, hlm 231.



tersebut, pada 12 Mei 1966, Tun Ghazali Shafie mengirim surat kepada Adam Malik mencadangkan supaya mesyuarat peringkat Menteri Luar diadakan untuk membincangkan tentang perlantikan Thailand atau Jepun sebagai Suruhanjaya Pemerhati.<sup>67</sup>

Tun Ghazali menjelaskan bahawa Indonesia perlu mengirim deligasi rasmi ke Kuala Lumpur untuk memulakan proses perdamaian. Cadangan tersebut telah diterima oleh pihak Indonesia. Lawatan deligasi Indonesia telah disambut baik oleh Tunku Abdul Rahman. Beliau menyatakan ketika menyambut deligasi dari Indonesia:

*“Selamat datang rombongan sedarah sedaging dari Indonesia”*.<sup>68</sup>

Lawatan deligasi tiba dari Jakarta ke Kuala Lumpur pada 27 Mei 1966.<sup>69</sup> Lawatan disertai oleh 20 orang deligasi. Tunku Abdul Rahman berpendapat bahawa lawatan rombongan deligasi Indonesia merupakan demontsrasi terbesar kerajaan Indonesia yang menunjukkan kejujuran Indonesia untuk menamatkan Konfrontasi.<sup>70</sup> Lawatan yang telah dilakukan oleh deligasi Indonesia ke Malaysia walaupun singkat tetapi memberikan kesan yang sangat mendalam kerana telah mewujudkan suasana persaudaraan. Menurut Stockwin dalam bukunya *Nearly Finished*, lawatan rombongan ini mewujudkan suasana mesra di Bangkok semasa rundingan damai diadakan pada 29 Mei 1966. Rundingan di Bangkok telah berlaku antara Tun Abdul Razak dengan Adam Malik pada 29 Mei 1966 telah mencapai persetujuan untuk perdamaian dengan tiga syarat:<sup>71</sup> Pertama, bersetuju untuk menamatkan permusuhan antara Malaysia dan Indonesia. Kedua, bersetuju untuk memulihkan semula hubungan diplomatik selepas menandatangani perjanjian. Ketiga, menyediakan peluang secepat mungkin untuk meninjau pandangan rakyat Sabah dan Sarawak sama ada mereka ingin bersatu dalam dalam Malaysia.

Perbincangan di Bangkok telah mewujudkan beberapa idea oleh Adam Malik untuk mewujudkan satu langkah kerjasama serantau di antara negara-negara di Asia Tenggara. Malahan sebenarnya merupakan ruang awal kepada penubuhan ASEAN kemudiannya. Indonesia membuat pengumuman pada 9 Ogos 1966 bahawa Tun Abdul Razak akan hadir ke Jakarta untuk menandatangani perjanjian. Majlis menandatangani Perjanjian Damai berlangsung pada 11 Ogos 1966 di Jakarta. Perjanjian tersebut ditandatangani oleh Adam Malik bagi pihak Indonesia, sementara Tun Abdul Razak mewakili Malaysia. Dengan termeterainya perjanjian

---

<sup>67</sup>*Ibid*, hlm. 232.

<sup>68</sup>*Straits Times*, 29 Mei 1966.

<sup>69</sup>*Straits Times*, 29 Mei 1966.

<sup>70</sup>“Visit of Indonesian Military Goodwill Mission”, *Foreign Affairs Malaysia*, Jil. 1, No. 1, Ministry of Foreign Affairs Malaysia, Kuala Lumpur, 1966, hlm. 49.

<sup>71</sup>“Aggrement to Normalize Relations between the Republic of Indonesia and Malaysia”, *Foreign Affairs Malaysia*, Jil. 1, No. 3, Ministry of Foreign Affairs Malaysia, Kuala Lumpur, 1966, hlm. 22

tersebut, hubungan Malaysia dan Indonesia telah pulih.<sup>72</sup> Dalam perjanjian tersebut, ia mengandungi Empat Fasal:<sup>73</sup>

*Fasal I* menyebut bahawa untuk menyelesaikan masalah-masalah antara kedua-dua negara “sebagai akibat pembentukan Malaysia” kedua-dua pihak bersetuju untuk memberi kesempatan kepada rakyat Sabah dan Sarawak untuk” menegaskan kembali keputusan yang telah diambil sebelumnya” mengenai status dalam Malaysia, melalui pemilihan umum yang bebas dan demokratik.

*Fasal I I* menyebut bahawa kedua-dua pemerintah setuju untuk memulihkan hubungan diplomatik .

*Fasa III* menyebut bahawa tindakan permusuhan antara kedua-dua negara segera dihentikan.

*Fasa IV* Perjanjian ini dikuatkuasakan serta merta bermula dari tarikh ianya ditandatangani pada 11 Ogos 1966.

Termeterainya perjanjian tersebut, konfrontasi selama 33 bulan telah ditamatkan secara rasmi. Suasana persaudaraan antara kedua buah negara telah diperkukuhkan sejak hubungan dingin bermula 1963. Tun Abdul Razak telah berjanji bahawa pilihanraya akan diadakan di Sabah dan Sarawak pada tahun 1967 dan beliau juga mengumumkan bahawa sebahagian daripada tentera British akan diundurkan dengan segera.<sup>74</sup> Pada peringkat awal selepas perdamaian dengan Malaysia, satu lawatan yang diketuai oleh Adam Malik datang ke Malaysia bersama 45 orang deligasi mengiringi Tun Abdul Razak pulang ke Kuala Lumpur pada 12 Ogos 1966.<sup>75</sup>

Pemulihan hubungan antara kedua-dua buah negara yang telah pulih memberikan banyak pengajaran kepada kedua-dua negara. Hal ini kerana ia akan merugikan kedua-dua negara dari segi politik, ekonomi, ketenteraan dan hubungan sosial. Kerajaan British melalui Perdana Menteri, Harold Wilson turut mengucapkan tahniah kepada kedua-dua negara kerana telah berjaya menamatkan Konfrontasi melalui Perjanjian Damai yang ditandatangani pada 11 Ogos 1966 dan mengharap berakhirnya Konfrontasi akan membawa kepada kelahiran era baru yang membawa keamanan dan kemakmuran kepada Indonesia dan jiran- jirannya.

---

<sup>72</sup>“Aggrement to Normalize Relations between the Republic of Indonesia and Malaysia”, *Foreign Affairs Malaysia*, Jil. 1, No. 3, Ministry of Foreign Affairs Malaysia, Kuala Lumpur, 1966, hlm.1-2.

<sup>73</sup> Nik Anuar Nik Mahmud, *Konfrontasi Malaysia Indonesia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. hlm., 239.

<sup>74</sup>*Straits Times*, 12 Ogos 1966.

<sup>75</sup>*Straits Times*, 13 Ogos 1966

## **KESIMPULAN**

Hubungan Malaysia dengan Indonesia sebenarnya merupakan satu hubungan yang sangat memerlukan antara satu sama lain akibat terlalu banyak kebersamaannya. Konfrontasi telah memperlihatkan bagaimana setiap negara sama ada Malaysia mahupun Indonesia mempunyai ketetapan dalam memelihara maruah dan kelangsungan kerajaan masing-masing. Usaha dapat dilihat dalam beberapa siri rundingan ke arah usaha pendamaian. Jelas setiap negara mempunyai syarat-syarat tersendiri yang merumitkan proses pendamaian. Langkah terbaik yang diambil oleh Malaysia ialah dengan menggunakan saluran rundingan dan diplomatik sebagai teras kepada usaha menyelesaikan konflik antara kedua-dua negara sangat dipuji. Pendekatan secara ketenteraan semestinya harus dielakkan kerana tidak akan membuahkan satu pengakhiran yang terbaik. Berakhirnya konfrontasi, bermulalah hubungan baik semula antara dua negara ini sehingga kini.

## **BIODATA PENULIS**

*Nurliana Suhaini* mendapat Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) (Sejarah) di Universiti Sains Malaysia dan sedang meneruskan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Sejarah Malaysia di Universiti Kebangsaan Malaysia.

*Aimi Khairunnisa Abdul Karim* mendapat Ijazah Sarjana Pendidikan (Sosiologi Pendidikan) dan Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dengan Kepujian (Antropologi dan Sosiologi) Universiti Kebangsaan Malaysia.

## **RUJUKAN**

### **Sumber pertama**

FO 371/169899 Indonesia and the Borneo Territories  
FO 371/187567, Malaysia /Indonesia Confrontation  
F/O 371/169901, Recent Development in Anglo- Indonesian Relations, 1 October 1963.  
2010/0018307 Suruhanjaya Cobbold di Daerah Binatang, Sarawak.  
FO 371/169901- Foreign Office Report: Recent Developments in Anglo- Indonesian Relation, 1 October 1963  
FO 371/181502 Malaysia / Indonesia Confrontation

### **Parlimen**

Dewan Rakyat tanah Melayu, Malaysia, Penyata Rasmi Dewan Rakyat II(39), 10 September 1964.  
Dewan Rakyat tanah Melayu, Malaysia, Penyata Rasmi Dewan Rakyat II(39), 15 Disember 1960.

### **Akhbar**

Berita Harian, 7 Mac 1964.  
Berita Harian, 20 April 1964.  
Berita Harian, 27 April 1964.  
Berita Harian, 25 Jun 1964.  
Berita Harian, 22 Jun 1964.  
Berita Harian, 23 Jun 1964.  
Berita Harian, 16 September 1964.  
Berita Harian, 24 Januari 1964.  
Malay Mail, 14 Jun 1964.  
Malay Mail, 4 September 1964.  
Straits Times, 9 Mei 1964.  
Straits Times, 12 Ogos 1966.  
Straits Times, 13 Ogos 1966.  
Straits Times, 29 Mei 1966.  
Straits Times, 29 Mei 1966.  
Straits Times, 4 September 1964.  
Straits Times, 14 Januari 1964.  
Straits Times, 26 Jun 1965.  
StraitsTimes, 21 Januari 1963.

## **Buku**

- Azlizan Mat Enh .2011. Sejarah Diplomatik. Esei-esei penghargaan kepada Prof. Dato' Dr. Nik Anuar Nik Mahmud. Kuala Lumpur . Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Communication with the Security Council Aggression.11 Ogos- 28 Mei 1965. Kuala Lumpur.Government Press.
- Dalton. J. B. 1967. "The Development of Malayan External Policy 1957-1963".Oxford. University of Oxford.
- Indonesian Involvement in Eastern Malaysia. 1964. Kuala Lumpur . Jabatan Chetak Kerajaan.
- Indonesian aggression against Malaysia. 1965. Kuala Lumpur: Government Press.
- India, Indonesia and the Emergence of Malaysia".International Studies, Bombay. Vikas Press, 1978.
- Kunaseelan a/l Muniandy.1996. Hubungan Malaysia Indonesia 1957 – 1970. Kuala Lumpur .Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd bin Samsudin. 1995. Kajian Dasar Luar Malaysia Penglibatan Pertahanan dan Keselamatan Negara – Negara Komanwel di Malaysia (1957-1971), Universiti Kebangsaan Malaysia. Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan.
- Mackie. J. A. C. 1974. Konfrontasi: The Indonesian- Malaysia Dispute 1963-1966. Kuala Lumpur.Oxford University Press.
- Mezerik . A. G. 1965. Malaysia-Indonesia Conflict. Malaysia/Indonesia Relations, 31<sup>st</sup> August 1957-15<sup>th</sup> September 1963, Kuala Lumpur. Jabatan Penerangan.
- Nik Anuar Nik Mahmud. 2000. Konfrontasi Malaysia Indonesia.Bangi. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rohani Hj. Ab. Ghani. 2012. "Hubungan Malaysia-Indonesia Selayang Pandang" dalam Malaysia-Indonesia Kepelbagaian Sudut Pandang.Sintok .Universiti Utara Malaysia Press.
- Sabihah Osman,Muhamad Hadi. Sabullah Haji Haki. 1996. *Sejarah Brunei menjelang kemerdekaan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Osman Syed Omar. 1999. *Tentera Malaysia dalam era Konfrontasi*. Bangi. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zainal Abidin bin Abdul Wahid.1986. "Malaysia Southeast Asia and World Politics" dalam Wang Gung Wu (ed), *Malaysia: A Survey*, New York: Federick A. Praeger
- Watson, A., Viney, H., & Schomaker, P. (2002). Consumer attitudes to utility products: a consumer behavior perspective. *Marketing Intelligence and Planning*, Vol. 20(7), pp. 394–404.